Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Kompleks Mahkamah Kuching,
Ja/an Gersik, 93050 Petra Jaya,
Kuching, Sarawak.

Tele/on *082-31/373*
Kawai *REGCOURT*
No. Faks *082-311575*

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: {65) dim. JUD/134/Jld.5

Tarikh: 24 September, 2013

Hakim Mahkamah Sesyen,
Sabah dan Sarawak.

Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Majistret,
Sabah dan Sarawak.

Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 6 TAHUN 2013

PENGEMASKINIAN STATUS/DATA KES DI DALAM SISTEM CMS DI MAHKAMAH-MAHKAMAH SABAH DAN SARAWAK

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Pemantauan berterusan oleh YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak ke atas maklumat status kes-kes yang aktif di Mahkamah Sabah dan Sarawak menerusi sistem CMS mendapati banyak maklumat mengenai kes-kes tersebut yang tidak dikemaskini oleh kakitangan mahkamah yang telah diarahkan. Antara lain terdapat banyak kes-kes yang telah selesai tetapi masih belum direkodkan sedemikan dan masih berstatus aktif. Hal ini menyebabkan ketepatan maklumat-maklumat di dalam sistem CMS boleh diragui kesahihannya.

3. Antara punca yang dikenalpasti mengapa hal ini berlaku adalah kurang pengawasan oleh pegawa-ipegawaikehakiman ke atas status kes-kes yang ada di mahkamah masing-masing.

4. Sehubungan itu YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah mengarahkan agar tuan/puan hendaklah bertanggungjawab untuk mempastikan semua data kes di mahkamah tuan/puan dikemaskinikan setiap hari. Tuan/Puan diarahkan untuk menyemak status kes-kes tuan/puan sekurang-kurang dua (2) kali sehari - kali pertama di sebelah pagi sebelum perbicaran dimulakan dan kali kedua sebelum tamat waktu pejabat.

5. Tuan/Puan juga diingatkan bahawa surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada tuan/puan sekiranya tuan/puan gagal untuk mempastikan status kes-kes tuan/puan dikemaskinikan sebanyak tiga kali. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap tuan/puan sekiranya tuan/puan masih gagal mengemaskinikan status kes-kes tersebut setelah surat tunjuk sebab tersebut dikeluarkan.

6. Tuan/Puan diminta mengambil serius terhadap arahan ini. Jumlah surat tunjuk sebab yang tuan/puan terima akan diambil kira dalam sebarang urusan kenaikan pangkat tuan/puan.

7. Arahan ini **berkuatkuasa serta merta.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

<AZHAHAR1 KAMAL BIN RAMU)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.